

SURAT SETUJU TERIMA PERKHIDMATAN KEPAKARAN

Rujukan Kami: MPC.600-2/4/209

Tarikh : 17 Mei 2021

Encik Shaharum Ashaari
Fluxnova Solutions
No 36, Jalan Rakan 16,
Taman Rakan Cheras,
43000 Selangor
Tel : 019-7630000

Tuan,

LANTIKAN PERKHIDMATAN TENAGA PENGAJAR PERKHIDMATAN BAGI WORKSHOP ON BUSINESS PROCESS REENGINEERING AWARENESS PADA 25 MEI 2021

Adalah saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Dengan ini dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah bersetuju melantik syarikat tuan dengan harga sebanyak **Ringgit Malaysia : Satu Ribu Dua Ratus Sahaja (RM1,200.00)**

3. Walau bagaimanapun, pelantikan ini adalah tertakluk kepada persetujuan harga yang telah dinyatakan dalam Surat Pekeliling KP MPC Perkhidmatan Kepakaran dan Elaun Lain Bagi Bukan Penjawat Awam, serta berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pegawai program **(Rujuk Term Of References (TOR))**

4. Setelah pesanan/arahan dikeluarkan oleh MPC, syarikat atau pihak tuan/puan dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MPC. Sekiranya syarikat tua/puan gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MPC berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan.

5. Syarikat atau pihak tuan/puan juga adalah diingatkan bahawa MPC berhak untuk membatalkan Surat ini sekiranya:

- (a) syarikat atau tuan/puan gagal mematuhi mana-mana terma di perenggan 3 dalam tempoh masa yang di tetapkan;
- (b) syarikat atau tuan/puan gagal mematuhi mana-mana terma yang dinyatakan dalam Surat Akuan Pembida Berjaya;
- (c) syarikat atau tuan/puan telah membuat salah nyataan (*misrepresentation*) atau mengemukakan maklumat palsu semasa berurusan dengan MPC bagi perolehan ini atau melakukan apa- apa perbuatan lain, seperti memalsukan maklumat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, mengemukakan bon pelaksanaan atau dokumen lain yang palsu atau yang telah diubah suai;
- (d) syarikat atau tuan/puan membenarkan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat disalahgunakan oleh individu/syarikat lain;

- (e) syarikat atau tuan/puan terlibat dalam membuat pakatan harga dengan syarikat-syarikat lain atau apa-apa pakatan sepanjang proses *sebut harga/tender sehingga Surat ini ditandatangani;
- (f) syarikat atau tuan/puan telah memberikan subkontrak sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya perkhidmatan tanpa kelulusan MPC terlebih dahulu;
- (g) syarikat atau tuan/puan gagal menyempurnakan perkhidmatan/ membekalkan barang dalam tempoh yang ditetapkan seperti di **Lampiran TOR**
- (h) syarikat atau tuan/puan gagal mematuhi mana-mana terma/arahan di dalam dokumen *sebut harga/tender;
- (i) syarikat puan/ pemilik/ rakan kongsi/ pengarah atau tuan/puan telah disabitkan atas kesalahan jenayah di dalam atau luar Malaysia;
- (j) syarikat atau tuan/puan digulungkan;
- (k) syarikat atau tuan/puan membekal barang-barang yang tidak tulen, bukan baharu atau yang terpakai;
- (l) syarikat atau tuan/puan gagal mematuhi skop perkhidmatan yang ditetapkan dan/atau *Service Level Agreement*;
- (m) syarikat atau tuan/puan tidak mendapat kelulusan daripada MPC terlebih dahulu bagi apa-apa penjualan atau pemindahan ekuiti sepanjang tempoh kontrak ini berkuat kuasa atau menaikkan nilai tawaran; atau
- (n) terdapat perkara yang melibatkan kepentingan awam atau keselamatan dan kepentingan negara.

6. Sekiranya Surat ini dibatalkan atas alasan seperti yang ditetapkan di perenggan 4, MPC tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerugian syarikat puan termasuk kerugian masa hadapan.

7. Syarikat atau tuan berhak menolak tawaran sekiranya tidak bersetuju dengan harga atau terma yang telah diberikan oleh pegawai program. Sila maklumkan emel penolakan kepada Pn Nurfaizila Zulaihi (nurfazila@mpc.gov.my) atau Pn. Norijah Juen (norijah@mpc.gov.my) **dalam tempoh tujuh (7) hari.**

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SEMAWI ZAKARIA)

b.p.:Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Wilayah Sarawak